

Promosi Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal & Insurans Kandungan Rumah Hong Leong

TEMPOH PROMOSI

Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal, Insurans Kandungan Rumah (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula pada 01 Julai 2017 dan tamat pada 30 September 2017, termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Promosi”**), kecuali dimaklumkan sebaliknya.

Terma & Syarat

Yang berikut merupakan terma dan syarat yang terpakai kepada Promosi (“T&S”):-

KELAYAKAN

1. Promosi ini, anjuran bersama HLB dan MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“MSIG”), dibuka kepada semua rakyat Malaysia, Penduduk Tetap, Pemegang Permit Kerja / Pas Kerja atau sebaliknya diambil kerja secara sah di Malaysia serta Tanggungan¹ mereka (“Pelanggan”) dan yang membeli produk insurans berikut (yang secara kolektif dikenali sebagai “Pelan-pelan Insurans”, setiap satu “Pelan Insurans”), yang ditaja jamin oleh MSIG dalam talian melalui laman web MSIG di <https://takeiteasy.msig.com.my/hlb/> (“Laman web MSIG”) dalam Tempoh Promosi:
 - a) Insurans Perjalanan Hong Leong (“Insurans Perjalanan”);
 - b) Insurans Pelan Penyakit Kritikal Hong Leong (“Insurans Pelan Penyakit Kritikal”); dan/atau
 - c) Insurans Kandungan Rumah Hong Leong (“Insurans Kandungan Rumah”)
2. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan fraud, melanggar undang-undang atau salah berkaitan dengan Pelan-pelan Insurans dan/atau mana-mana kemudahan yang disediakan oleh HLB dan/atau MSIG atau telah diisytiharkan bankrap atau dikenakan sebarang prosiding kebangkrutan pada bila-bila masa sebelum atau dalam Tempoh Promosi **TIDAK** layak menyertai Promosi ini.
3. Pelanggan yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB dan/atau MSIG sebagai mungkin melakukan sebarang tindakan salah yang dinyatakan di sini akan terus disingkir daripada menyertai Promosi ini.

MEKANISMA

4. Pelanggan yang membeli Insurans Perjalanan, Insurans Pelan Penyakit Kritikal dan/atau Insurans Kandungan Rumah dalam talian melalui Laman web MSIG dalam Tempoh Promosi akan berhak menerima e-baucar UNIQLO bernilai RM10, yang akan dikeluarkan dalam bentuk kod promosi Stor Dalam Talian UNIQLO (“e-Baucar UNIQLO”), dengan premium kasar minimum sebanyak RM 50 dalam satu transaksi (“Premium Minimum”) bagi pembelian satu (1) daripada Pelan Insurans (tidak termasuk cukai barang dan perkhidmatan (“GST”) dan duti setem, jika terpakai).
5. Tertakluk kepada keperluan yang dinyatakan dalam Klausa 4 di atas, setiap Pelanggan akan terhad kepada menerima SATU (1) e-Baucar UNIQLO sahaja bagi setiap transaksi dalam Tempoh Promosi. Premium Minimum akan ditentukan oleh setiap Pelan Insurans yang dibeli. Tiada pengagregatan premium kasar dibayar jika Pelanggan berjaya membeli lebih daripada satu (1) Pelan Insurans dibenarkan bagi tujuan menentukan sama ada Premium Minimum ditepati.

1. Definisi ‘Tanggungan’ berubah-ubah. Sila rujuk kepada polisi insurans berkenaan untuk maklumat lanjut.

6. Pelanggan akan menerima e-Baucar UNIQLO berserta Sijil e-Insurans dan Susunan Kata e-Polisi apabila transaksi berjaya melalui alamat emel beliau yang telah dibekalkan dalam proses pembelian.
7. e-Baucar UNIQLO hanya sah untuk penebusan bagi pembelian yang dibuat melalui Stor Dalam Talian UNIQLO dan tidak sah bagi pembelian di saluran runcit UNIQLO.
8. Jumlah harga troli pembelian Stor Dalam Talian UNIQLO akan ditolak dengan amaun e-Baucar UNIQLO, iaitu RM10 apabila Pelanggan memasukkan kod promosi Stor Dalam Talian UNIQLO pada halaman pembayaran.
9. Pelanggan hanya dapat mengguna satu (1) e-baucar UNIQLO bagi setiap transaksi di Stor Dalam Talian UNIQLO.
10. e-Baucar UNIQLO tidak boleh ditukar dengan tunai dan tidak boleh dipulangkan.
11. Pelanggan boleh membeli berbilang Pelan Insurans dalam Tempoh Promosi.
12. Pelanggan akan menandatangani semua dokumen biasa untuk insurans yang termasuk borang permohonan, borang penamaan dan borang carian fakta pelanggan. Semua permohonan untuk Pelan Insurans akan tertakluk kepada kelulusan MSIG serta terma dan syarat seperti mana yang dikenakan oleh MSIG atas budi bicara tunggal dan mutlak MSIG. Untuk layak menyertai Promosi, permohonan Pelanggan untuk Pelan-pelan Insurans relevan dan pembayaran premium insurans perlu diterima oleh MSIG dalam Tempoh Promosi.
13. Premium yang dibayar untuk Pelan-pelan Insurans di bawah Promosi ini tidak boleh dipulangkan dan tidak boleh ditukar dengan tunai, kredit, dan cek atau manfaat barangan.
14. Promosi ini tidak sah dan tidak boleh digunakan dengan sebarang promosi, baucar, rebat atau keutamaan berterusan yang lain yang terpakai kepada Pelan-pelan Insurans, kecuali dimaklumkan sebaliknya.
15. Pelanggan bertanggungjawab dan dengan sendirinya akan menanggung semua cukai terpakai, fi kerajaan atau sebarang caj lain yang mungkin dikenakan kepada mereka di bawah undang-undang terpakai, jika ada, berkaitan dengan penyertaan mereka dalam Promosi tersebut.

UMUM

16. Dengan menyertai Promosi, Pelanggan:-
 - (a) bersetuju bahawa mereka telah membaca, memahami dan bersetuju supaya tertakluk kepada T&S Promosi dan sebarang terma dan syarat relevan lain yang dikenakan oleh HLB dan MSIG dari masa ke masa;
 - (b) bersetuju mengakses laman web HLB di www.hlb.com.my ("Laman web HLB") pada jangka masa tetap untuk membaca T&S dan untuk memastikan sentiasa menyemak sebarang pindaan atau perubahan kepada T&S tersebut;
 - (c) bersetuju mengakses laman web MSIG pada jangka masa tetap untuk membaca dan untuk memastikan sentiasa menyemak sebarang pindaan atau perubahan kepada butiran Pelan-pelan Insurans; dan
 - (d) bersetuju bahawa keputusan HLB dan/atau MSIG terhadap semua perkara berhubung dengan Promosi adalah terakhir, muktamad dan mengikat semua Pelanggan dan tiada surat menyurat dan/atau rayuan lain untuk mempertikaikan keputusan tersebut akan dilayan.
17. HLB dan/atau MSIG mengekalkan hak untuk:-

- (a) menambah, menghapus, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini/butiran Pelan-pelan Insurans, secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya atas budi bicara mutlakny melalui paparan pada laman web HLB dan/atau MSIG, atau dalam sebarang cara yang dianggap sesuai oleh HLB dan/atau MSIG supaya memberi notis terdahulu kepada Pelanggan tentang penambahan, penghapusan atau pindaan sedemikian; dan
 - (b) menolak kelayakan Pelanggan untuk Promosi ini atas sebarang alasan sama sekali seperti mana HLB dan/atau MSIG boleh tentukan atas budi bicara tunggal dan mutlakny.
18. T&S di sini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju menerima bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia.
19. Dokumen ini bukan dimaksudkan sebagai pelawaan atau tawaran untuk langganan Pelan-pelan Insurans dan ia bukan permintaan oleh HLB dan/atau MSIG untuk langganan Pelan-pelan Insurans oleh mana-mana orang. Pelanggan dinasihatkan membaca dan memahami kandungan risalah produk / kontrak polisi sebelum melanggan produk-produk berkenaan.